

Pengadil silat berat sebelah?

PADA 11 Julai lalu saya telah berkunjung ke Expo Kemuning untuk menyaksikan pertandingan silat anjuran bersama Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Kemuning.

Menurut pengumuman keputusan pertandingan yang diadakan minggu lalu iaitu untuk bahagian Pendekar, kumpulan yang telah berjaya melayakkan diri ke pusingan separuh akhir ialah Perguruan Gayong, Gagak Sakti dan Sendeng Belang.

Pada 4 Julai lalu saya juga pernah menyaksikan persembahan regu berkeris dari Perguruan Cekak. Tetapi malangnya regu tersebut telah kalah sedangkan pada pendapat saya ramai penonton termasuk guru-guru silat tempatan yang tidak ditugaskan mengadili regu tersebut telah meramalkan kejayaannya kerana mutu persembahan mereka yang baik.

Pada pandangan saya kekalahan Perguruan Cekak itu jelas berpunca dari pengadil yang berat sebelah.

Saya sangat-sangat berharap agar Persisi dapat mengambil perhatian yang wajar mengenai perkara tersebut.

Warisan Kita Hak Bersama.

Terkejut dengan putusan Persisi

PADA 4 Julai lalu saya telah menyaksikan pertandingan silat yang dikelola bersama oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Kumpulan Kemuning di Expo Kemuning '82 di simpang Tanjong Katong Road dengan Sims Avenue.

Pertandingan pada malam itu sangat menarik dengan persembahan/tandingan dari Perguruan Cekak dan Perguruan Gagak

Sakti yang agak tinggi mutu kesenian dan persembahannya.

Tetapi, alangkah hampa dan terkejutnya saya bila keputusan diumumkan pada 11 Julai bahawa Perguruan Gayong (Pasak dan Perwanit), Gagak Sakti dan Sendeng Belang berjaya memasuki ke peringkat separuh akhir.

Apa yang menjadi tandatanya ialah bagaimanakah Perguruan Cekak yang dalam pendapat saya dan mungkin ramai lagi penonton yang menyaksikan pertandingan itu telah menunjukkan persembahan yang mempunyai mutu kesenian keris yang tinggi tidak terpilih untuk memasuki peringkat separuh akhir sedangkan regu-regu lain yang kurang bermutu keseniannya berjaya?

Di sini saya juga ingin kemukakan beberapa soalan dan berharap Persisi (sebagai

badan induk pertubuhan-pertubuhan silat di Singapura) memberikan penjelasannya:

● Apakah ertinya 'olahraga' dalam istilah persilatan dan 'kamus' Persisi?

Setahu saya, olahraga adalah istilah yang digunakan untuk pertandingan sukan perseorangan atau 'sparring' dan bukan untuk pertandingan seni.

● Apa pula yang dikatakan seni dalam persilatan? Apakah ia gaya dan gerak dalam menangkis dan menyerang dalam pergerakan silat yang telah diatur terlebih dulu untuk satu-satu persembahan?

● Bagaimanakah Perguruan Gayong Pasak di benarkan menghantar dua regu untuk bahagian Tunas Pendekar sedangkan peraturan pertandingan setiap perguruan dibenarkan menghantar satu regu untuk setiap bahagian?

● Bagaimana pula regu-regu yang layak dalam bahagian Pendekar dimasukkan ke bahagian Pendekar Muda dan Pendekar Muda ke Tunas Pendekar?

Din.